


**KORIDOR
UTILITI**
DARUL RIDZUAN



CARTA ALIR KERJA (BROWNFIELD)

SEMASA PEMASANGAN

- Carta Alir Pemantauan Semasa Kerja



SEBELUM PEMASANGAN

- Carta Alir Peringkat Kebenaran Izin Lalu
- Carta Alir Peringkat Kelulusan Permit Kerja

SELEPAS SIAP PEMASANGAN

- Carta Alir Penerimaan Siap Kerja
- Carta Alir Pemulangan Deposit Keselamatan

PERANAN PBM:

- **Pihak Berkuasa Melulus (PBM)** adalah pihak yang mengeluarkan kelulusan (PBT & JKR)
- Menerima laporan KUDR dan membuat tindakan mengikut peruntukan akta yang dibenarkan

PERANAN PENYEDIA UTILITI / PEMAJU:

- **Pemohon** bagi menjalankan kerja pemasangan utiliti
- Mematuhi syarat-syarat menjalankan kerja pemasangan utiliti yang ditentukan PBM
- Membayar deposit keselamatan/fi permit yang ditetapkan PBM melalui KUDR bagi tujuan memudahcara

PERANAN KUDR:

- Menyediakan platform pengurusan permohonan atas talian
- **One Stop Agency** yang menyelaras permohonan dari peringkat izin lalu, bayaran deposit keselamatan/fi, kelulusan permit kerja sehingga pemulangan deposit keselamatan termasuk penyediaan UDM, TCP dan *as-built*.
- Memantau kerja kontraktor dan melaporkan ketidakpatuhan kepada PBM untuk tindakan
- Mengemaskini pangkalan data utiliti untuk disimpan oleh *Data Custodian* Kerajaan Negeri



SEBELUM MULA KERJA

PERINGKAT UTAMA KERJA TERANCANG

PERUNTUKAN PUNCA KUASA / AKTA	
PBM	KUDR
- PBT - Akta 133 seksyen 39, 40, 41, 42, 43 & 121 - JKR - Akta 333 seksyen 85 - Prosedur Permohonan Pemasangan Utiliti Di Jalan Persekutuan Tahun 2022	- Peranan KUDR sebagai OSA - Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti GP-006-A - Perlaksanaan KUDR sebagai OSA di: - PBT : Seksyen 9 (1) Akta 171 - JKR: Seksyen 1 (4) Akta 133 - Tadbir urus Pangkalan Data Utiliti: - Panduan Pemakaian Standard Maklumat Geospatial - Garis Panduan Perkongsian dan Penyebaran Maklumat Geospatial Melalui Infrastruktur Data Geospatial Negara (MyGDI)

PERANAN PBM:

- Pihak Berkuasa Melulus (PBM)** adalah pihak yang mengeluarkan kelulusan
- Menerima laporan KUDR dan membuat tindakan mengikut peruntukan akta yang dibenarkan

PERANAN PENYEDIA UTILITI / PEMAJU:

- Pemohon** bagi menjalankan kerja pemasangan utiliti
- Mematuhi syarat-syarat menjalankan kerja pemasangan utiliti yang ditentukan PBM
- Membayar deposit keselamatan/fi permit yang ditetapkan PBM melalui KUDR bagi tujuan memudahcara

PERANAN KUDR:

- Menyediakan platform pengurusan permohonan atas talian
- One Stop Agency** yang menyelaras permohonan dari peringkat izin lalu, bayaran deposit keselamatan/fi, kelulusan permit kerja sehingga pemulangan deposit keselamatan termasuk penyediaan UDM, TCP dan *as-built*.
- Memantau kerja kontraktor dan melaporkan ketidakpatuhan kepada PBM untuk tindakan
- Mengemaskini pangkalan data utiliti untuk disimpan oleh *Data Custodian* Kerajaan Negeri



AKTIVITI	TINDAKAN	DOKUMEN
MULA - PENDAFTARAN PERMOHONAN - PEMATUHAN SENARAI SEMAK KELULUSAN IZIN LALU - CAJ PENDAFTARAN PROJEK UTILITI *1 HARI SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN LENGKAP? YA TIDAK - PBM DAN PEMOHON TERIMA NOTIFIKASI MELALUI WHATSAPP - PBM TERIMA CADANGAN TEKNIKAL *5 HARI *BERGANTUNG KEPADA TARIKH YANG DIPERSETUJUI PBM PENETAPAN TARIKH LTA DAN PENGUMPULAN MAKLUMAT LOKASI *1 HARI LAWATAN TAPAK AWALAN (LTA) PELAN CADANGAN SESUAI? YA TIDAK ARAHAN PINDAAN CADANGAN TEKNIKAL *1 HARI PINDAAN CADANGAN TEKNIKAL *<7 HARI *1 HARI PENGEMUKAAN SEBUT HARGA *< 14 HARI PERSETUJUAN SEBUT HARGA *1 HARI SERAHAN PERMOHONAN IZIN LALU *14 HARI KELULUSAN IZIN LALU *1 HARI PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU *< 30 HARI BAYARAN CAJ PERKHIDMATAN OSA 1 KM = 5 HARI PENYEDIAAN UDM DAN TCP BERSAMBUNG DI CARTA ALIR PERMOHONAN PERMIT KERJA	PEMOHON KEPADA KUDR KUDR KUDR PBM, KUDR DAN PEMOHON KUDR KEPADA PEMOHON PEMOHON KEPADA KUDR KUDR KEPADA PEMOHON PEMOHON KEPADA KUDR KUDR KEPADA PBM PBM KEPADA KUDR KUDR KEPADA PEMOHON PEMOHON KEPADA KUDR KUDR	- BORANG BKIL (Dijana Sistem) - SURAT SERAHAN DOKUMEN PERMOHONAN - CADANGAN TEKNIKAL : i. LUKISAN TAPAK ii. GAMBAR LOKASI iii. PETA PENANDAAN LOKASI - SENARAI SEMAK KELULUSAN IZIN LALU - LAPORAN LAWATAN TAPAK AWALAN - PELAN CADANGAN LALUAN (PCL) - LAPORAN LAWATAN TAPAK AWALAN - PELAN CADANGAN PINDAAN - SEBUT HARGA - SURAT PERMOHONAN IZIN LALU - KIRAAN DEPOSIT KESELAMATAN/FI PERMIT - CADANGAN TEKNIKAL MUKTAMAD - LAPORAN LAWATAN TAPAK AWALAN - SURAT KELULUSAN IZIN LALU PBM - SURAT PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU - INVOIS CAJ PERKHIDMATAN KUDR - SENARAI SEMAK UDM DAN TCP

SEBELUM KERJA:

CARTA ALIR PERINGKAT KEBENARAN IZIN LALU/ PRA PERMOHONAN

PETUNJUK :

Tindakan Pihak Berkuasa Melulus (PBM)

Tindakan Pemohon

Tindakan PBM, KUDR dan Pemohon

Tindakan Pemohon dan KUDR

Notifikasi Atas Talian

*

Hari bekerja

UDM

Pemetaan Pengesanan Utiliti

TCP

Pelan Pengurusan Trafik


KERJA TERANCANG : SEBELUM KERJA

Setiap permohonan akan bermula dengan peringkat **Pra Permohonan/Kelulusan Izin Lalu**:

1. Permohonan Izin lalu bertujuan mendapatkan kebenaran melakukan kerja ukur (sempada ROW) dan penandaan jajaran utiliti di tapak serta Pemetaan Pengesanan Utiliti / *Utility Detection Mapping* (UDM) oleh Jurukur Tanah Bertauliah di dalam ROW Pihak Berkuasa Melulus (PBM)
2. Selain daripada membenarkan kerja ukur dan UDM dilaksanakan, segala syarat-syarat Kelulusan Permit Kerja termasuk nilai deposit keselamatan dan fi permit (jika terlibat) yang perlu dibayar oleh pemohon juga akan dinyatakan oleh PBM pada peringkat ini.
3. Pemohon hendaklah mendaftar dan mengemukakan permohonan izin lalu melalui format dan kaedah yang ditetapkan serta membayar Caj Pendaftaran Projek Utiliti secara atas talian melalui laman sesawang www.kudr.my.
4. Pemohon perlu melengkapkan perincian permohonan yang mengandungi butiran berikut: -
 - i. Surat Permohonan kepada KUDR
 - ii. Cadangan laluan dalam fail kmz atau kml
 - iii. Cadangan Teknikal yang mengandungi perkara berikut:
 - Pelan Tapak yang mengandungi Cadangan Kaedah Kerja
 - Gambar lokasi permohonan yang mengandungi surihan cadangan laluan
 - Peta Penandaan Lokasi
5. KUDR akan menyemak dan memastikan butiran serta dokumen yang dikemukakan adalah lengkap mematuhi Senarai Semak Kelulusan Izin Lalu sebelum memproses permohonan ke peringkat seterusnya. Pemohon akan dimaklumkan status semakan secara notifikasi atas talian melalui sistem dan emel. Sekiranya lengkap, PBM akan turut menerima notifikasi atas talian beserta cadangan teknikal pemohon selewat-lewatnya lima (5) hari bekerja sebelum Lawatan Tapak Awalan bagi membolehkan PBM membuat semakan jajaran.
6. Setelah dokumen dipastikan memenuhi Senarai Semak Kelulusan Izin Lalu, KUDR akan membuat aturan lawatan tapak pada lokasi cadangan laluan Pemohon dengan melibatkan setiap PBM yang terlibat dengan cadangan laluan, Pemohon dan KUDR.
7. KUDR akan mengumpul maklumat berkaitan lokasi melalui kaedah yang bersesuaian mengikut keperluan termasuk *desktop study*, pemeriksaan di tapak, mendapatkan ulasan penyedia utiliti serta melalui rujukan pada data permohonan dan pangkalan data utiliti bagi mengenalpasti perkara berikut: -
 - i. PBM yang terlibat dengan cadangan laluan
 - ii. Pertindihan dengan permohonan sedia ada/terdahulu
 - iii. Kedudukan utiliti sedia ada lain pada jajaran cadangan laluan
 - iv. Faktor-faktor lain yang boleh menghalang laluan cadangan seperti perabot jalan, longkang, cerun, paya dan sebagainya

KERJA TERANCANG: SEBELUM KERJA

8. PBM akan memberi ulasan berkenaan kesesuaian cadangan teknikal permohonan di lokasi permohonan dan syarat- syarat kelulusan permit kerja di kawasan permohonan. KUDR akan menyediakan Laporan Lawatan Tapak Awalan berdasarkan ulasan PBM untuk dimuatnaik didalam sistem bagi tujuan rujukan Pemohon.
9. Jika terdapat sebarang pindaan, PBM akan menyerahkan kepada KUDR untuk tindakan pindaan oleh Pemohon dan proses seterusnya.
10. Sebutharga bagi Caj Perkhidmatan OSA KUDR akan dikeluarkan berdasarkan kepada cadangan laluan yang telah dipersetujui ketika Lawatan Tapak Awalan melalui sistem untuk Pemohon menandatangani setuju pada sebutharga tersebut sebelum dimuatnaik kembali kedalam sistem bagi proses seterusnya.
11. Tempoh sah sebut harga yang dikeluarkan adalah empat belas (14) hari bekerja sahaja daripada tempoh sebutharga dikeluarkan. Sekiranya tamat tempoh tersebut tanpa sebarang maklumbalas daripada Pemohon, permohonan akan terbatal dengan sendirinya dan Pemohon perlu membuat permohonan semula kepada KUDR
12. KUDR akan menyelaras dokumen Permohonan Kelulusan Izin Lalu berdasarkan Cadangan Laluan dan Kaedah yang telah dipersetujui dan menyerahkan kepada PBM sebaik sahaja Sebutharga Caj Perkhidmatan OSA dipersetujui oleh Pemohon.
13. Dokumen yang diserahkan oleh KUDR kepada PBM adalah seperti berikut: -
 1. Surat Permohonan Izin Lalu kepada PBM
 2. Kiraan Depost Keselamatan / Fi Permit
 3. Cadangan Teknikal Muktamad
 4. Pelan Cadangan Laluan yang mengandungi Data Lot Kadaster yang disediakan oleh KUDR
 5. Laporan Lawatan Tapak Awalan
12. PBM akan memberikan maklumbalas Kelulusan Izin Lalu kepada KUDR beserta syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi Kelulusan Permit Kerja.
13. KUDR akan memaklumkan kelulusan izin lalu, syarat-syarat kelulusan permit kerja dan Caj Perkhidmatan OSA yang perlu dibayar bagi tujuan pemprosesan Kelulusan Permit Kerja kepada Pemohon.
14. Tempoh kelulusan izin lalu hanya sah untuk tempoh enam (6) bulan sahaja dari tarikh Kelulusan Izin Lalu diterima daripada PBM.



SEBELUM KERJA:

CARTA ALIR PERINGKAT KELULUSAN PERMIT KERJA/ KELULUSAN LENGKAP

PETUNJUK :

Tindakan Pihak Berkuasa Melulus (PBM)

Tindakan Pemohon

Tindakan Pemohon dan KUDR

* Hari bekerja

UDM Pemetaan Pengesanan Utiliti

TCP Pelan Pengurusan Trafik

KERJA TERANCANG: SEBELUM KERJA

Peringkat seterusnya bagi mendapatkan kelulusan lengkap adalah peringkat **Permohonan Lengkap/ Kelulusan Permit**:

1. Permohonan kelulusan permit kerja perlu dibuat dalam tempoh enam (6) bulan sahaja dari tarikh surat kelulusan izin lalu dikeluarkan oleh PBM. Sekiranya tamat tempoh tersebut dan tiada sebarang permohonan kelulusan permit kerja dikemukakan, maka kelulusan izin lalu akan terbatal dengan sendirinya dan Pemohon perlu membuat permohonan semula kepada KUDR.
2. Pemohon perlu mematuhi Senarai Semak Permohonan Permit Korekan yang dikeluarkan oleh pihak KUDR berdasarkan syarat-syarat yang dikeluarkan oleh PBM
3. Pemohon juga hendaklah menjelaskan Caj Perkhidmatan OSA sebelum KUDR melakukan kerja ukur (sempadan ROW), penandaan jajaran utiliti di tapak, UDM dan Pelan Pengurusan Trafik/ *Traffic Management Plan* (TMP)
4. Pengemukakan dokumen Permohonan Permit Kerja kepada KUDR termasuk bayaran deposit keselamatan/fi permit PBM hendaklah dilakukan sebelum tamat tempoh Kelulusan Izin Lalu.
5. Pemohon hendaklah menjelaskan Deposit Keselamatan Utiliti kepada PBM berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh PBM. Kesemua kadar caj berkaitan yang dikenakan oleh PBM
6. Caj yang perlu dijelaskan oleh pemohon bagi Permohonan Permit adalah seperti berikut:-

JENIS CAJ	Bayaran Kepada
1. Caj Perkhidmatan OSA bagi perkhidmatan berikut:- • Pengurusan Kelulusan Izin Lalu • Pengurusan Kelulusan Permit Kerja • Pengurusan Kelulusan CPC • Pengurusan Pemulangan Wang Cagaran • Penyediaan Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) • Penyediaan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) • Penyediaan Pelan Siap Bina • Pengemaskinian Pangkalan Data Utiliti	KUDR
2. Caj Fi Permit (Wang Hangus) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sahaja 3. Deposit Keselamatan 4. Lain-lain caj tambahan yang disyaratkan PBM	PBM

KERJA TERANCANG: SEBELUM KERJA

Peringkat Permohonan Lengkap/Kelulusan Permit Kerja (sambungan)

7. KUDR akan menguruskan penyediaan UDM dan TMP berdasarkan format yang ditetapkan dengan melantik Jurukur Tanah Bertauliah pada masa yang sama dengan penyediaan dokumen Kelulusan Permit Kerja yang lain oleh Pemohon.
8. Penyediaan UDM dan TMP yang dilaksanakan oleh Jurukur Tanah Bertauliah yang dilantik oleh KUDR mengambil masa sepertimana berikut:-

Jarak (Meter)	Tempoh Siap (Minima)
<1000	7 Hari bekerja
1001 – 2000	10 Hari bekerja
2001 – 3000	12 Hari bekerja
>3000	16 Hari bekerja

9. KUDR akan menyemak, mengulas dan memajukan permohonan yang telah lengkap kepada PBM berkaitan bagi mendapatkan Kelulusan Permit Kerja.
10. Permit Korekan akan dikeluarkan di atas nama pembayar deposit keselamatan/ fi permit
11. Permit akan dikeluarkan melalui KUDR bagi tujuan penyelarasan kerja dan pemantauan
12. Semua resit bayaran permit korekan jalan dan deposit akan dikeluarkan atas nama “Pembayar” yang membuat bayaran samada KUDR / Penyedia Utiliti/ Pemaju/ Kontraktor.
13. KUDR akan memaklumkan kelulusan permit berserta syarat-syarat korekan melalui Perakuan Permit yang dikeluarkan kepada Pemohon.
14. Pemohon perlu menyerahkan Notis Mula Kerja bersama-sama Akuan Penerimaan Surat Kelulusan / Permit dan Kepatuhan Kepada Syarat-Syaratselewat-lewatnya 7 hari sebelum kerja dijalankan kepada KUDR.
15. KUDR akan menyerahkan Notis Mula Kerja Pemohon bersama-sama Jadual Pemantauan Tapak KUDR pada hari pertama kerja ditapak.



SEMASA KERJA




CARTA ALIR PERINGKAT
PEMANTAUAN KERJA
SEMASA

PETUNJUK :

Tindakan Pemohon

* Hari bekerja

TCP Pelan Pengurusan Trafik



KERJA TERANCANG: SEMASA KERJA

Pematuhan Semasa Kerja adalah berdasarkan kepada peringkat **Pemantauan Kerja Semasa**:-

1. Pihak Pemohon hendaklah memastikan kontraktor yang dilantik menjalankan kerja tapak dengan mematuhi syarat-syarat mengikut kelulusan yang telah ditetapkan serta mengikut syarat-syarat berikut:-

1.1 Am

- 1.1.1 Pemohon wajib mengambil insurans kerja dan polisi tanggungan awam bagi melaksanakan kerja yang dinyatakan.
- 1.1.2 Tiada sebarang kerja boleh dilaksanakan tanpa terlebih dahulu memasang peranti kawalan trafik dan penyusunannya telah diperiksa oleh KUDR

1.2 Pembinaan Lurang (Manhole)

- 1.2.1 Semua lurang baharu hendaklah dibina berada jauh di hujung jalan (sempadan ROW) atau sekurang-kurangnya 3 meter dari gigi jalan.
- 1.2.2 Bagi lurang sedia ada di mana sebelum ini berada kurang 3 meter dari tepi gigi jalan atau bahu jalan berturap atau di atas carriageway (kes khas yang mendapat kelulusan PBM dengan justifikasi kukuh di tapak), bahan lurang tersebut termasuk penutup hendaklah dari jenis high strength/ heavy duty dan finishing level perlu searas dengan jalan sedia ada. Rekabentuk dan cadangan pembinaan hendaklah disahkan oleh PEPC KUDR sebelum mendapat persetujuan PBM.
- 1.2.3 Penampalan di sekeliling lurang hendaklah menggunakan bahan jenis heavy duty/ high strength Epoxy Cement atau setaraf dengannya.

1.3 Paip/ Kabel/ Saluran

- 1.3.1 Sebolehnya-bolehnya, kaedah pengorekan terbuka sepanjang bahu jalan (paved/ unpaved) berada di kedudukan 3 meter dari gigi jalan. Sekiranya jarak berkenaan tidak dapat diperolehi, pengorekan terbuka yang jarak kurang dari 3 meter perlu mendapat kelulusan Pengarah JKR Negeri dan atas justifikasi kukuh di tapak. Backhoe/ JCB yang melakukan kerja pengorekan tersebut perlu mempunyai alas tapak bagi kaki jentera tersebut (sekiranya kaki jentera menumpang di atas permukaan jalan) untuk mengelakkan berlakunya kerosakan kepada permukaan jalan. Walau bagaimanapun, kaedah Trenchless (HDD/ Pipe Jacking/ Micro Tunnelling/ Thrust Boring) akan diberi keutamaan
- 1.3.2 Kedalaman paip/ kabel/ saluran adalah minimum 1.5 meter kedalaman iaitu diukur daripada permukaan bahu jalan hingga ke bahagian atas paip/ kabel/ saluran (crown of pipe level).
- 1.3.3 Hanya pasir sahaja yang dibenarkan untuk menimbus semula semua lubang korekan.

KERJA TERANCANG: SEMASA KERJA

- 1.3.4 Lapisan pasir dipadatkan menggunakan Roller yang sesuai dari satu lapisan ke satu lapisan (setiap satu lapisan 150mm).
- 1.3.5 Bagi pemasangan utiliti melebihi 1.5 meter kedalaman², struktur penahan yang mencukupi hendaklah disediakan.
- 1.3.6 Kerja-kerja menimbus dan memadat bahu jalan hendaklah dilaksanakan dengan segera. Rumput dan pokok landskap yang rosak dan mati perlu diganti dan ditanam semula. Penyeliaan terhadap tanaman semula tersebut hendaklah dilaksanakan sehingga tanaman itu hidup subur dan untuk tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan
- 1.3.7 Bagi kerja pemasangan utiliti merentangi jalan, hanya kaedah Trenchless sahaja yang dibenarkan.
- 1.3.8 Tidak dibenarkan untuk memasang kabel secara overhead merentangi jalan.
- 1.3.9 Pemasangan kabel secara overhead hanya dibenarkan untuk kabel yang selari dengan jalan sahaja. Manakala tiang yang dipasang hendaklah di kawasan unpaved dan berjarak 2 meter selepas gigi jalan (tertakluk kepada keadaan di tapak)
- 1.3.10 Paip/ kabel/ saluran yang perlu melintasi longkang hendaklah ditanam dengan kedalaman melebihi daripada paras bawah longkang iaitu 1 meter dari bawah paras longkang.
- 1.3.11 Paip/ kabel/ saluran tidak dibenarkan menumpang pada struktur jambatan.
- 1.3.12 Paip/ kabel/ saluran tersebut hendaklah mempunyai struktur sendiri yang direkabentuk khas dan disahkan oleh PEPC. Kedudukan struktur tersebut hendaklah berjarak tidak kurang 10 meter dari struktur jambatan.
- 1.3.13 Paip/ kabel/ saluran juga tidak dibenarkan menumpang pada cerun atau struktur cerun seperti tembok penahan dan lain-lain lagi. Pengorekan kepada cerun juga adalah dilarang.
- 1.3.14 Sekiranya paip air perlu melalui kawasan cerun (kawasan potongan/ tambakan), kaedah paip expose hendaklah digunakan. Walau bagaimanapun, kebenaran untuk expose perlu diperolehi terlebih dahulu dengan justifikasi kukuh di tapak serta keselamatan kepada pengguna jalan raya hendaklah diberi keutamaan.
- 1.3.15 Paip air tersebut diletak di atas penyokong/ tambatan konkrit yang direkabentuk dan disahkan oleh PEPC sebagaimana spesifikasi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) iaitu Uniform Technical Guidelines Water Reticulation and Plumbing dan apa-apa spesifikasi yang dikeluarkan oleh syarikat bekalan air negeri berkaitan. Hanya pasir sahaja yang dibenarkan untuk menimbus semula semua lubang korekan.

1.4 Kerja – Kerja Di Bahu Jalan (Berturap)

- 1.4.1 Kaedah pembaikan hendaklah merujuk kepada SPJ.
- 1.4.2 Hanya pasir sahaja yang dibenarkan untuk menimbus semula lubang korekan.
- 1.4.3 Lapisan pasir hendaklah dipadatkan menggunakan Roller yang sesuai dari satu lapisan ke satu lapisan (setiap satu lapisan 150mm).
- 1.4.4 Lapisan crusher run sebagai road base hendaklah dipadatkan menggunakan Roller yang sesuai dari satu lapisan ke satu lapisan (setiap satu lapisan 150mm).
- 1.4.5 Ketebalan lapisan pavemen untuk pembaikan di bahu jalan yang berturap tersebut perlulah mendapat persetujuan PBM.
- 1.4.6 Bagi pemasangan utiliti melebihi 1.5 meter kedalaman, struktur penahan yang mencukupi hendaklah disediakan.

1.5 Kerja – Kerja Di Atas Carriageway/ Permukaan Berturap Yang Lain

- 1.5.1 Kerja pengorekan bagi pemasangan utiliti di atas carriageway/permukaan berturap yang lain adalah TIDAK DIBENARKAN.
- 1.5.2 Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan memaksa (disebabkan tiada pilihan lain akibat kekangan di tapak), kerja-pengorekan di atas carriageway/ permukaan berturap yang lain adalah dibenarkan dengan syarat kelulusan PBM perlu diperolehi terlebih dahulu dan kaedah pelaksanaan perlu dipersetujui bersama.
- 1.5.3 Kadar yang perlu dikenakan adalah berbeza berbanding Jadual 3 iaitu:
 - a) Diameter utiliti < 500mm
 - b) Diameter utiliti > 500mm
 - c) Pit = RM1,800 per meter/ lane = RM2,400 per meter/ lane = RM25,000 per pit
- 1.5.4 Kaedah pembaikan yang dilaksanakan di atas carriageway perlulah selaras dengan SPJ. JD boleh mengarahkan pemohon menjalankan ujian ke atas struktur carriageway tersebut bagi mengetahui tahap/ keadaan semasa struktur carriageway sebelum meluluskan kaedah pembaikan carriageway yang sepatutnya dilaksanakan oleh pemohon.

1.6 Jajaran di bawah sungai

- 1.6.1 Kedalaman minima antara aras dasar sungai yang direkabentuk (design bed level) dengan lapisan teratas saluran paip utiliti mestilah tidak kurang dari 1.2 meter.
- 1.6.2 Panjang bagi saluran paip utiliti mengufuk yang merintang sungai sekurang-kurangnya mestilah sama dengan lebar dasar sungai yang direkabentuk (design bed width).
- 1.6.3 Kecerunan saluran paip utiliti mestilah tidak melebihi 3(mengufuk):1(menegak).

1.7 Jajaran merentangi sungai

- 1.7.1 Aras minima tampung bawah (soffit level) paip utiliti mestilah sekurang-kurangnya 1 meter tinggi dari aras cadangan banjir kala ulangan 100 tahun.
- 1.7.2 Di mana sungai digunakan sebagai laluan pengangkutan air, aras tampung bawah mestilah mengambil kira keperluan minima bagi pengangkutan air yang melaluinya.
- 1.7.3 Laluan kabel kuasa tinggi yang merentang atas sungai hendaklah diberi ruang lepas yang mencukupi dan selamat untuk jentera-jentera bergerak dan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan.

1.8 Jajaran sepanjang tebing sungai

- 1.8.1 Kedalaman saluran paip utiliti yang ditanam di dalam rizab sepanjang tebing sungai mestilah tidak mengganggu kerja-kerja penyelenggaraan dan mampu menanggung berat peralatan dam jentera yang digunakan.
- 1.8.2 Keperluan rizab sungai bagi kawasan yang sedang membangun mestilah ditentukan berdasarkan kriteria umum rekabentuk.
- 1.8.3 Paip utiliti mestilah dipasang di hujung sempadan rizab sungai. Pemasangan utiliti di bawah muka keratan rekabentuk tidak dibenarkan sama sekali.

1.9 Kerja-kerja kawalan trafik

1.9.1 Semua kawalan trafik yang perlu dilaksanakan Pemohon adalah sebagaimana TMP yang disediakan oleh KUDR selaras dengan ATJ 2C/85.

1.9.2 Rekabentuk TMP adalah mengikut konsep asas Zon Kerja seperti berikut:

- a) Kawasan amaran awal (sekiranya kerja berada di luar bahu jalan dan tidak mengganggu trafik, maka papan tanda amaran awal berkemungkinan tidak perlu diletakkan);
- b) Kawasan peralihan;
- c) Kawasan penampan;
- d) Kawasan kerja;
- e) Kawasan penamatan.

1.9.3 Papan tanda yang mencukupi hendaklah disediakan bagi kerja-kerja berkenaan seperti berikut:

- a) Papan tanda kenyataan projek merangkumi maklumat seperti berikut:
 - i. Tajuk projek
 - ii. Pemohon
 - iii. Tempoh projek
 - iv. No. telefon bimbit hotline (aduan awam)
- b) Papan tanda isyarat lalu lintas sementara seperti lencongan, awas dll;
- c) Kon/ penghadang keselamatan (New Jersey Barrier);
- d) Lampu amaran.

1.9.4 Penutupan jalan adalah tidak dibenarkan sama sekali bagi menghalang lalu lintas awam.

1.9.5 Dua orang pengawal papan tanda isyarat 'BERHENTI/ JALAN' perlu disediakan untuk mengawal lalu lintas selorong.

1.9.6 Papan tanda amaran berkelip-kelip (flashing light) mestilah dipasang sekiranya kerja di jalan pada waktu malam.

1.10 Kerja - Kerja Yang Dilarang

- A. Pengorekan terbuka di atas carriageway yang dibuat tanpa kelulusan PBM dan justifikasi yang munasabah;
- B. Kawasan pedestrian walkway;
- C. Stockpile bahan binaan di bahu jalan;
- D. Menyimpang daripada jajaran utiliti yang telah diluluskan oleh Pengarah JKR Negeri.

KERJA TERANCANG: SEMASA KERJA

2. Waktu menjalankan kerja akan dimaklumkan oleh Pihak Berkuasa Melulus. Penjadualan kerja di kawasan yang penting atau sibuk hendaklah dilakukan pada waktu diluar waktu puncak “off peak period” atau pada lewat malam.
3. Kontraktor hendaklah menyerahkan Laporan Kerja Semasa di tapak mengikut format serta kaedah yang ditetapkan oleh KUDR.
4. Pemantauan semasa kerja akan dijalankan oleh KUDR dan pihak PBM (sekiranya perlu) bagi memantau kerja-kerja ditapak.
5. PBM berhak mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan punca kuasa masing-masing sekiranya mendapati terdapat sebarang kegagalan atau ketidakpatuhan mengikut syarat yang ditetapkan ketika pemantauan dijalankan oleh PBM,
6. Sekiranya tidak berpuas hati dengan kualiti kerja yang dilakukan ketika pemantauan dijalankan oleh KUDR, pihak KUDR akan mengeluarkan notis kepada Pemohon supaya melaksanakan pembaikan. Pemohon perlu mengemukakan maklum balas setelah pembaikan.
7. Pemohon perlu memastikan kontraktor mematuhi tempoh respon yang dinyatakan dalam arahan tersebut. Sekiranya kerosakan ke atas jalan/ aset jalan/ sempadan ROW adalah kritikal, tempoh pembaikan segera adalah dalam masa 24 jam setelah menerima aduan atau pemakluman oleh PBM (yang mana terdahulu). Sekiranya kerosakan ke atas jalan/ aset jalan/ sempadan ROW tidak kritikal, tempoh respon adalah tertakluk kepada PBM selepas menerima laporan daripada KUDR.
8. Dalam kes aduan awam, sekiranya KUDR atau PBM yang terlebih dahulu menerima aduan daripada pengguna jalan raya, maka kedua-dua pihak boleh saling memaklumkan menerusi perkhidmatan pesanan ringkas (Short Message Service – SMS) atau melalui aplikasi WhatsApps. KUDR akan susuli notis secara bertulis kepada Pemohon kemudiannya.
9. Bagi kerja (termasuk kerja pembaikan semula) yang tidak dapat disiapkan pada tempoh permit yang diluluskan, permohonan lanjutan tempoh untuk permit baru perlu dikemukakan oleh Pemohon dua (2) minggu sebelum tamat tempoh permit itu.

KERJA TERANCANG: SELEPAS KERJA

Selepas kerja bermula dengan Peringkat **Penerimaan Siap Kerja**:

1. Penerimaan Siap Kerja bertujuan memberi kebenaran kepada Pemohon membuat permohonan pemulangan wang deposit keselamatan.
2. Pemohon hendaklah menyerahkan Notis Siap Kerja beserta dokumen permohonan Penerimaan Siap Kerja selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas kerja di tapak pembinaan selesai dilaksanakan.

KERJA TERANCANG: SELEPAS KERJA

Selepas kerja bermula dengan Peringkat **Penerimaan Siap Kerja**:

1. Penerimaan Siap Kerja bertujuan memberi kebenaran kepada Pemohon membuat permohonan pemulangan wang deposit keselamatan.
2. Pemohon hendaklah menyerahkan Notis Siap Kerja beserta dokumen permohonan Penerimaan Siap Kerja selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas kerja di tapak pembinaan selesai dilaksanakan.
3. KUDR akan menyemak dan memastikan dokumen bagi pematuhan syarat Penerimaan Siap Kerja adalah lengkap sebelum penyerahan kepada Pihak Berkuasa Melulus.
4. KUDR juga akan menyediakan Pelan Siap Bina/*As-Built Plan* yang disahkan oleh pihak yang kompeten melalui kaedah yang bersesuaian untuk diserahkan kepada PBM bersama-sama dengan dokumen permohonan Penerimaan Siap Kerja yang telah disemak dan dipastikan lengkap.
5. Pemeriksaan tapak siap kerja akan diadakan dengan melibatkan PBM berkaitan, pemohon dan KUDR bagi memeriksa kualiti kerja pembaikan semula yang dilaksanakan.
6. Sekiranya tidak berpuas hati dengan kualiti kerja yang dilakukan, KUDR akan mengeluarkan arahan kepada pemohon supaya memastikan kontraktor yang dilantik melaksanakan pembaikan berdasarkan ulasan PBM. Pemohon mengemukakan maklum balas setelah pembaikan kepada KUDR.
7. Sekiranya pihak PBM berpuas hati dengan kerja yang dilakukan, maka Surat Penerimaan Siap Kerja akan dikeluarkan kepada KUDR. KUDR akan memaklumkan Penerimaan Siap Kerja tersebut kepada pemohon dan mengemaskini pangkalan data utiliti bagi simpanan *Data Custodian*.

Deposit keselamatan akan dipulangkan kepada pemohon pada peringkat **Pemulangan Deposit Keselamatan**:

1. PBM akan memulangkan Deposit Keselamatan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan / *Defected Liability Period* (DLP)
2. Tempoh DLP berbeza-beza mengikut PBM iaitu di antara 6 ke 12 bulan selepas Penerimaan Siap Kerja dikeluarkan.
3. KUDR akan membuat pemeriksaan lokasi secara berkala. Pemeriksaan lokasi terakhir di dalam tempoh DLP pemohon yang akan dibuat oleh KUDR ialah selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tamat tempoh DLP.
4. Sekiranya berlaku kecacatan atau kerosakan, KUDR akan mengeluarkan arahan kepada pemohon bagi melaksanakan pembaikan terhadap kerosakan/kecacatan. Pemohon perlu mengemukakan maklum balas kepada KUDR setelah pembaikan kecacatan/kerosakan dilaksanakan


KERJA TERANCANG: SELEPAS KERJA

5. Sekiranya lokasi berada dalam keadaan yang sempurna dan memuaskan tanpa sebarang kerosakan/kecacatan, pemohon akan diminta supaya menyerahkan dokumen permohonan Pemulangan Deposit Keselamatan.
6. KUDR akan menyediakan Laporan Pemeriksaan Tapak yang disahkan oleh PEPC untuk diserahkan kepada PBM bersama dokumen Permohonan Pemulangan Deposit Keselamatan yang lain.
7. KUDR akan menyemak dan memastikan dokumen yang dikemukakan mematuhi Senarai Semak Pemulangan Deposit Keselamatan sebelum menyerahkan dokumen tersebut kepada PBM bersama Laporan Pemeriksaan Tapak untuk proses selanjutnya.



SELEPAS SIAP KERJA





SELEPAS KERJA:

CARTA ALIR PERINGKAT PENERIMAAN SIAP KERJA

PETUNJUK :


Tindakan Pihak Berkuasa Melulus (PBM)

Tindakan Pemohon

Tindakan PBM, KUDR dan Pemohon

*

Hari bekerja



SELEPAS KERJA:

CARTA ALIR PERINGKAT PENERIMAAN SIAP KERJA

PETUNJUK :

Tindakan Pihak Berkuasa Melulus (PBM)

Tindakan Pemohon

* Hari bekerja

KERJA TERANCANG: SELEPAS KERJA

8. PBM akan memulangkan Deposit Keselamatan selepas tamat tempoh DLP sekiranya berpuas hati dengan segala dokumen yang dikemukakan.
9. Sekiranya tidak berpuas hati dengan laporan pemeriksaan tapak oleh KUDR, PBM boleh memeriksa tapak dan mengarahkan kerja membaiki kerosakan/kecacatan di uruskan oleh KUDR.
10. KUDR akan mengeluarkan arahan kepada pemohon supaya memastikan kontraktor yang dilantik melaksanakan pembaikan berdasarkan ulasan PBM. Pemohon mengemukakan maklum balas setelah pembaikan.

TINDAKAN TERHADAP KEGAGALAN MELAKSANAKAN PEMBAIKAN SEMULA OLEH PEMOHON

1. PBM boleh mengambil tindakan terhadap masalah yang timbul selaras dengan peruntukan kuasa masing-masing sekiranya pemohon gagal melaksanakan pembaikan semula sebagaimana yang diarahkan dalam tempoh yang dinyatakan.
2. Bagi melaksanakan tindakan di kawasan yang tiada sebarang kontrak konsesi penyenggaraan jalan, PBM boleh melantik pihak ketiga selaras dengan tatacara perolehan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
3. Sekiranya kawasan berkenaan mempunyai kontrak konsesi penyenggaraan, Arahan Kerja diberikan kepada konsesi berkenaan untuk melakukan pembaikan yang gagal dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik pemohon.
4. Perbelanjaan yang ditanggung bagi melaksanakan pembaikan tersebut akan ditolak daripada Deposit Keselamatan. Sekiranya tidak mencukupi, lebihan perbelanjaan yang ditanggung merupakan suatu hutang yang akan dituntut daripada pemilik utiliti tersebut.
5. Senarai kontraktor yang gagal melaksanakan pembaikan semula dan pemilik utiliti yang gagal menjelaskan hutang pada tempoh yang ditetapkan akan dibentangkan pada Jawatankuasa Pemantauan Teknikal Koridor Utiliti Negeri untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya.

AKTIVITI	TINDAKAN	DOKUMEN
Kriteria kerja kecemasan: 1. Telah berlaku terjejas atau terputus bekalan 2. Kerja akan dilaksanakan dalam tempoh 24 jam <pre>graph TD; M([MULA]) --> T1[TERPUTUS / TERJEJAS BEKALAN]; T1 --> T2[NOTIS KERJA KECEMASAN]; T2 --> T3[SEMAKAN PEMATUHAN KRITERIA KERJA KECEMASAN]; T3 --> D1{MEMENUHI KRITERIA?}; D1 -- TIDAK --> T4[PERMOHONAN KERJA TERANCANG]; D1 -- YA --> T5[PERLAKSANAAN KERJA KECEMASAN]; T5 --> D2{KERJA DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH 24 JAM?}; D2 -- TIDAK --> T4; D2 -- YA --> T6[NOTIS SIAP KERJA KECEMASAN]; T6 --> D3{KERJA / DOKUMEN MEMUASKAN?}; D3 -- TIDAK --> T7[PEMATUHAN ARAHAN BAIKPULIH]; D3 -- YA --> T8[PENERIMAAN SIAP KERJA KECEMASAN]; T8 --> T9([TAMAT]);</pre> *<24 JAM *<48 JAM	PEMOHON PEMOHON PBM, KUDR DAN PEMOHON PEMOHON KEPADA KUDR PEMOHON PEMOHON KEPADA KUDR PEMOHON KEPADA KUDR PBM, KUDR DAN PEMOHON	- JENIS KEROSAKAN - KAWASAN DAN ANGGARAN JUMLAH AKAUN TERJEJAS - SKOP/KAEDAH KERJA (GAMBAR DISERTAKAN) - TARIKH DAN WAKTU KERJA AKAN DIJALANKAN - TEMPOH KERJA DIJALANKAN - PEGAWAI PENYELIA DI TAPAK BESERTA NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI - PEGAWAI UTILITI BERTANGGUNGJAWAB DAN NOMBOR UNTUK DIHUBUNG - NOTIS MULA KERJA KECEMASAN - GAMBAR TAPAK MENUNJUKKAN KAWALANTRAFIK TERSEDIA MENGIKUT SPESIFIKASI - GAMBAR SEMASA KERJA-KERJA PEMBAIKAN DILAKUKAN - NOTIS SIAP KERJA KECEMASAN - GAMBAR SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS SIAP PEMBAIKAN. - DOKUMEN PERMOHONAN KERJA KECEMASAN MENGANDUNGI:- i. SURAT PERMOHONAN ii. CADANGAN TEKNIKAL - SURAT ARAHAN PEMATUHAN - SURAT PENGESAHAN SIAP KERJA KECEMASAN - ULASAN LAWATAN TAPAK

CARTA ALIR

KERJA KECEMASAN

PETUNJUK :

Tindakan Pihak Berkuasa Melulus (PBM)

Tindakan Pemohon

Tindakan PBM, KUDR dan Pemohon

Tindakan Pemohon dan KUDR

Notifikasi Atas Talian

* Hari bekerja

UDM Pelan Pemetaan Utiliti

TCP Pelan Pengurusan Trafik

SEBELUM KERJA KECEMASAN

1. Pemohon dibenarkan membuat permohonan Kerja Kecemasan sekiranya memenuhi kriteria berikut:-
 - i. Telah berlaku terjejas bekalan
 - ii. Akan dilaksanakan selewat-lewatnya 24 jam daripada tempoh selepas kelulusan diberikan.
2. Sekiranya memenuhi kriteria Kerja Kecemasan, pemohon perlu mendapatkan kebenaran melaksanakan Kerja Kecemasan melalui aplikasi WhatsApps. Di dalam masa yang sama, KUDR juga perlu dimaklumkan berkenaan Kerja Kecemasan tersebut.
3. Pemohon perlu memberi perincian maklumat berikut:
 - i. Jenis kerosakan
 - ii. Kawasan dan anggaran jumlah akaun terjejas
 - iii. Skop/ Kaedah Kerja (Gambar yang mengandungi surihan jajaran pengorekan disertakan)
 - iv. Tarikh dan Waktu Kerja akan dijalankan
 - v. Tempoh Kerja Dijalankan
 - vi. Kontraktor yang akan melaksanakan kerja
 - vii. Pegawai penyelia di tapak beserta nombor untuk dihubungi
 - viii. Pegawai Utiliti bertanggungjawab dan nombor untuk dihubungi.
4. KUDR akan membuat semakan segera melalui kaedah yang bersesuaian bagi mengesahkan bahawa pemohon memenuhi kriteria kerja kecemasan dan akan memaklumkan kepada PBM hasil semakan.
5. Sekiranya tidak memenuhi kriteria kerja kecemasan, pemohon hendaklah memohon melalui Prosedur Kerja Terancang.

SEMASA KERJA KECEMASAN

1. Setelah disahkan memenuhi kerja kecemasan dan dibenarkan melaksanakan kerja, pemohon hendaklah membuat pendaftaran permohonan pada laman sesawang www.kudr.my dalam tempoh 48 jam setelah mendapat kebenaran bagi tujuan rekod permohonan oleh KUDR.
2. Pemohon juga perlu memajukan gambar kawalan trafik di tapak kepada KUDR dalam tempoh 24 jam selepas kebenaran di berikan dan sebelum melaksanakan kerja di tapak bagi tujuan pengesahan kerja dilaksanakan dalam tempoh yang dibenarkan dan dalam keadaan selamat.
3. Pemohon perlu memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi kerja dan prosedur yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus sepanjang tempoh masa kerja dijalankan.

SEMASA KERJA KECEMASAN

4. Pemohon juga perlu menyediakan Laporan Kerja Semasa kepada PBM dan KUDR dengan memajukan gambar kerja semasa di tapak.
5. Kerja yang telah selesai dijalankan sehingga ke kerja pembaikan hendaklah dimaklumkan kepada PBM dan KUDR.
6. Setelah disahkan memenuhi kriteria kerja kecemasan dan dibenarkan melaksanakan kerja, pemohon hendaklah membuat pendaftaran permohonan pada laman sesawang www.kudr.my dalam tempoh 48 jam setelah mendapat kebenaran bagi tujuan rekod permohonan oleh KUDR.
7. Pemohon perlu memajukan gambar kawalan trafik di tapak kepada KUDR dalam tempoh 24 jam selepas kebenaran di berikan dan sebelum melaksanakan kerja di tapak bagi tujuan pengesahan kerja dilaksanakan dalam tempoh 24 jam serta dalam keadaan selamat.
8. Pemohon perlu memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi kerja dan prosedur yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus sepanjang tempoh masa kerja dijalankan.
9. Pemohon juga perlu menyediakan Laporan Kerja Semasa kepada PBM dan KUDR dengan memajukan gambar kerja semasa di tapak.
10. Kerja yang telah selesai dijalankan sehingga ke kerja pembaikan semula hendaklah dimaklumkan kepada PBM dan KUDR.

SELEPAS KERJA KECEMASAN

1. Pemohon hendaklah menyediakan dan menyerahkan Dokumen Permohonan Kerja Kecemasan bersama dengan Cadangan Teknikal serta Laporan Siap Kerja kepada KUDR dalam tempoh 48 jam selepas kerja siap untuk semakan dan pengesahan.
2. Lawatan tapak akan diadakan jika perlu bagi tujuan pengesahan di tapak yang dihadiri oleh PBM, KUDR dan Pemohon.
3. Sekiranya PBM berpuas hati terhadap kerja kecemasan tersebut maka satu surat penerimaan siap kerja akan dikeluarkan.
4. Namun jika terdapat ketidakpatuhan, Pemohon dan Kontraktor perlu bertanggungjawab membaiki kerosakan dengan kos tanggungan sendiri sehingga didapati memuaskan dan seperti yang diminta PBM yang berkenaan.
5. KUDR akan menyimpan segala maklumat yang berkaitan kerja kecemasan yang dijalankan di dalam Pangkalan Data Kerja Kecemasan.

AKTIVITI	TINDAKAN	DOKUMEN
MULA ADUAN/ PEMANTAUAN KUDR? PBM /ORANG AWAM SEMAKAN DI TAPAK ADA KELULUSAN ? TERUSKAN KERJA ARAHAH HENTI KERJA /LAPORAN POLIS MEMBERI KERJASAMA? SURAT TUNJUK SEBAB KERJA TANPA PERMIT DAN PERMOHONAN KERJA TERANCANG MEMBERI KERJASAMA? SENARAI HITAM KONTRAKTOR TAMAT PEMANTAUAN KUDR	ORANG AWAM/PBM KEPADA KUDR KUDR KONTRAKTOR PBM/KUDR PEMOHON JAWATANKUASA PEMANTAUAN TEKNIKAL/ PENGURUSAN INDUK KORIDOR UTILITI NEGERI PEMOHON	- MENERIMA GAMBAR MELALUI APPLIKASI WHATSAPP - LAPORAN BERGAMBAR - NOTIS PERINGATAN - NAMA DAN DETAIL COMPANY KONTRAKTOR AKAN DIREKODKAN - SURAT HENTI KERJA - SURAT TUNJUK SEBAB TANPA PERMIT - PEMOHONAN MENGIKUT PROSEDUR - LAPORAN KERJA TANPA PERMIT - SURAT KOMPAUN

SEMASA KERJA:

CARTA ALIR KERJA-KERJA TANPA PERMIT

PETUNJUK :

Tindakan Pihak Berkuasa Melulus (PBM)

Tindakan Penyedia Utiliti/ Kontraktor

Tindakan Kontraktor

Tindakan Jawatankuasa

* Hari bekerja

PROSEDUR MENANGANI KERJA TANPA PERMIT

Prosedur bagi menangani kerja yang dijalankan tanpa kelulusan PBM adalah **Prosedur Menangani Kerja Tanpa Permit** :

1. Prosedur menangani kerja tanpa permit ini terpakai bagi kerja yang sedang dijalankan di tapak tanpa kelulusan PBM bertujuan mengelakkan risiko dari segi ancaman kepada keselamatan orang awam atau kerosakan yang perlu ditanggung oleh PBM.
2. Kerja tanpa permit boleh dikesan melalui aduan orang awam, PBM atau pemantauan yang dilakukan oleh pihak KUDR
3. Bagi kerja yang sedang dilaksanakan di tapak, orang awam atau PBM boleh mengesan kerja yang dijalankan tanpa permit melalui QR code yang dipamerkan pada papan tanda keselamatan trafik di tapak. Orang awam/ PBM boleh terus menyalurkan aduan kepada KUDR sekiranya QR code tidak dipamerkan pada papan tanda kerja di tapak.
4. KUDR akan membuat semakan rekod permohonan pada pangkalan data utiliti untuk mengesahkan kerja yang dijalankan adalah kerja tanpa permit.
5. Untuk aduan orang awam, sekiranya tiada sebarang rekod permohonan pada pangkalan data utiliti, KUDR akan membuat semakan bersama PBM terlebih dahulu bagi mendapatkan pengesahan.
6. Sekiranya kerja yang dijalankan adalah sah tiada kelulusan daripada PBM, KUDR akan membuat *cover report* kepada pihak polis terlebih dahulu bagi melepaskan tanggungjawab PBM serta KUDR terhadap sebarang implikasi daripada kerja yang dijalankan. Arahan henti kerja turut akan diberikan di tapak dan pihak kontraktor perlu mengosongkan serta-merta tapak sebagaimana diarahkan.
7. Sekiranya kontraktor memberikan kerjasama, pihak KUDR akan mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada kontraktor dan penyedia utiliti serta memajukan surat tersebut kepada PBM berkaitan untuk tindakan selanjutnya PBM berdasarkan peruntukan akta yang dibenarkan.
8. Kontraktor/ Penyedia Utiliti perlu memberi maklumbalas dan membuat permohonan mengikut prosedur kerja terancang dalam tempoh 14 hari daripada surat dikeluarkan. Sekiranya gagal memberikan kerjasama, kontraktor terlibat akan dibentangkan pada Jawatankuasa Pengurusan Induk/ Pemantauan Teknikal Koridor Utiliti Negeri untuk disenarai hitamkan di Negeri Perak.
9. Sekiranya kontraktor ingkar dengan arahan henti kerja dan pengosongan tapak serta-merta, tindakan yang lebih tegas dari segi perundangan akan diambil atas sebab pencerobohan rizab jalan PBM. Kontraktor juga akan disenaraikan hitamkan.